

10/06/1998

Emtek '98 bagaikan pekan siber luar bandar

Khairul Anuar Samad

YAYASAN Pasir Mas mengambil inisiatif berani mengadakan eksposisi multimedia, telekomunikasi dan elektronik Kelantan 1998 (Emtek '98) dalam usaha meningkatkan pengetahuan masyarakat luar bandar dengan teknologi maklumat (IT) khasnya penggunaan komputer.

Pemilihan Cabang Empat Tok Mek Ngah, Tumpat, tepat pada kehendak penganjur berdasarkan ia terletak di luar bandar di samping memenuhi sasaran iaitu pendedahan kepada pengguna jauh dari bandar.

Usaha pendedahan itu juga bertujuan memastikan rakyat Kelantan, khususnya di luar bandar supaya tidak terpinggir dalam mengikuti arus perkembangan multimedia serta IT, selaras dengan dasar dan cita-cita Kerajaan Pusat.

Upacara sambutan Emtek '98 diadakan dengan meriah, membabitkan perarakan seekor gajah, 2,000 bunga manggar, 500 pulut semangat, 2,000 motosikal, kereta berhias IT dan 200 hulubalang.

Emtek '98 terbuka kepada semua peringkat masyarakat, membolehkan mereka menikmati sendiri kecanggihan teknologi masa kini yang selama ini mungkin hanya diikuti perkembangannya melalui radio atau televisyen.

Empat puluh tiga syarikat terbabit dalam Emtek '98 selama enam hari itu yang kebanyakannya terbabit dalam dunia IT antaranya Mesiniaga; Taman Teknologi Malaysia (TPM); IT Base; Mimos Berhad; Sapura Group IT dan Mobikom.

Eksposisi terbesar pernah diadakan di luar bandar di Malaysia itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ditaja sepenuhnya oleh Telekom Malaysia Berhad (Telekom).

Daripada 43 syarikat itu, hanya enam syarikat daripada Kelantan terbabit dan ini menunjukkan sambutan yang kurang menggalakkan daripada syarikat anak negeri, khasnya dalam IT.

Syarikat berkenaan antaranya Abroad Technology Sdn Bhd, CSC Computer Systems Sdn Bhd, First Net Communication Sdn Bhd dan IT Base Pasir Mas menunjukkan komitmen tinggi walaupun berhadapan dengan kelembapan ekonomi.

Walaupun tumpuan eksposisi itu untuk mendedahkan masyarakat luar bandar, khasnya golongan dewasa dalam penggunaan komputer, namun pengunjung utama tetap pelajar sekolah.

Mereka memanfaatkan kunjungan ke eksposisi itu dengan mempelajari teknologi terkini dalam pendidikan khasnya sistem pembelajaran yang bakal diperkenalkan untuk sekolah bestari.

Mimos memperkenalkan sistem terbarunya, ComIL yang mampu bertindak sebagai alat pengajaran yang boleh digunakan bagi menghasilkan perisian kursus bercirikan multimedia.

Di samping itu TPM yang turut mengetengahkan bahan kursus yang bersesuaian untuk penggunaan sekolah bestari, sudah pasti menjadi tarikan utama pelajar sekolah.

Selain pendedahan kepada teknologi IT, Emtek '98 juga membuka rezeki kepada penduduk tempatan yang mana mereka terbabit dalam sektor perniagaan secara kecil-kecilan.

(END)